

Pangkalan TIDM penting — Dr. M

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

'Perairan kita perlu dikawal'

Oleh MOHD NOH SEMAN

LUMUT, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan hari ini, pembinaan pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di sini adalah satu kemudahan yang penting dari segi pertahanan negara.

Menurut Perdana Menteri, ini memandang negara kita merupakan sebuah semenanjung yang mempunyai pantai yang panjang.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas melawat pangkalan tersebut, Perdana Menteri berkata, laluan luas itu yang membahagikan Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak perlu "dikawal oleh kita".

Menyentuh tentang projek rakasa yang dianggap paling moden di rantau ini, Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Menteri Pertahanan berkata:

"Perbelanjaan membina pangkalan ini memanglah meningkat, iaitu 11,400 juta sekarang". Beliau menafikan jumlah itu tidak terlalu tinggi jika dipandang dengan keadaan pembangunan negara sekarang.

Bellau berharap kemajuannya akan mencapai kejayaan yang memuaskan dan boleh mencapai matlamat yang kemasa yang ditetapkan menjelang tahun 1985.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir berharap, pangkalan itu boleh disiapkan dalam pertengahan 1984 dan harganya juga mungkin terus meningkat.

Bellau juga berkata, kerja-kerja awal membina himbungan serbaguna di pangkalan itu yang berharga 400 juta akan bermula bulan ini yang mana tendernya dikeluarkan kepada sebuah kontraktor luar negeri.

Perdana Menteri yang melawat pangkalan tersebut akhir tahun 1979, berkata, kemajuannya adalah menggalakan dan ia sudah berstep sedia menjalankan tugas-tugasnya.

Mengetahui pembelian kelengkapan TLDM, beliau berkata, kerjasama dalam proses mendapatkan kapal perang jenis 'corvette' dan kapal-kapal pemburu pe-riuk api.

Perdana Menteri diringi oleh Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Datuk Richard Ho yang juga Ahli Parlimen Lumut, Menteri Besar Perak, Datuk Seri, Haji Wan Mohamed Haji Wan Tah, Timbalan Menteri Pertahanan, Abang Abu Bakar, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Tan Sri Mohd. Yusof Abdul Rahman dan pegawai-pegawai kawal TLDM dalam lawatan ke pangkalan tersebut.